



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 60  
No. 8

**13hb April 2017**

*TAMBAHAN No. 6  
PERUNDANGAN*

**K. P.U. 6.**

**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974**

**UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH  
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH) 2016**

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Undang-Undang Kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**PENGEMUKAAN PELAN**

3. Pelan kerja tanah hendaklah dikemukakan dan diprakui
4. Kewajipan jurutera

## AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH  
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 70A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah Darul Aman dengan ini membuat undang-undang kecil yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah) 2016**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi semua kawasan pihak berkuasa tempatan di Negeri Kedah Darul Aman.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*];

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar dan termasuklah Timbalan Datuk Bandar;

“jurutera” ertinya seorang jurutera profesional yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*] dan menjalankan amalan dengan kelulusan bertulis daripada Lembaga Jurutera;

“kenderaan” mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*];

“kerja tanah am” ertinya apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbus dengan apa-apa bahan, menanam cerucuk, membina asas atau menebang pokok atas mana-mana tanah atau apa-apa perbuatan lain yang menyentuh atau mengganggu mana-mana tanah;

“kerja tanah asas tapak” termasuklah pembinaan asas tapak, tingkat bawah tanah, binagalas, tambatan bumi, cerucuk, batu sendi dan peparit;

“kerja tanah kecil” ertinya mana-mana kerja tanah yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga;

“Majlis” ertinya Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha bagi setiap pihak berkuasa tempatan di Negeri Kedah Darul Aman; dan

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

## BAHAGIAN II

### PENGEMUKAAN PELAN

#### **Pelan kerja tanah hendaklah dikemukakan dan diperakui**

3. (1) Pelan berhubung dengan kerja tanah yang dikehendaki dikemukakan di bawah seksyen 70A Akta itu hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan borang permohonan dalam Borang A Jadual Kedua dan hendaklah disertakan dengan fi seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan hendaklah mengandungi butir-butir yang dikehendaki di bawah Undang-undang Kecil ini.

(2) Pelan yang dikemukakan dan ditandatangani oleh seorang jurutera hendaklah—

(a) mengandungi suatu perakuan yang dibuat olehnya menyatakan bahawa penentuan dan butiran yang terkandung didalamnya itu adalah betul; dan

(b) diturunkan tandatangan balas oleh pemunya tanah yang berkenaan atau ejennya yang diberi kuasa secara bertulis dan hendaklah menggunakan alamat penuh pemunya itu atau ejen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Pelan dan penentuan yang diluluskan oleh Majlis boleh dikemukakan semula untuk dipinda atau diubah tetapi dalam hal yang demikian, kehendak di bawah perenggan (2) hendaklah dipakai *mutatis mutandis*.

(4) Melainkan jika kerja tanah dimulakan dalam tempoh dua belas bulan selepas diluluskan semula pelan dan penentuan berkenaan dengannya yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 6, setiap kelulusan bagi pelan penentuan itu hendaklah luput apabila tamat tempoh tersebut, tetapi Majlis, atas permohonan yang dibuat kepadanya sebelum tamat tempoh tersebut, boleh melanjutkan tempoh itu seperti yang difikirkan patut olehnya tertakluk kepada pembayaran fi seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

**Kewajipan jurutera**

4. (1) Jurutera yang mengemukakan pelan di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah bertanggungjawab atas pelaksanaan yang sempurna bagi kerja tanah itu dan hendaklah terus bertanggungjawab sedemikian sehingga selesai kerja tanah itu melainkan jika—

(a) dengan persetujuan Majlis, seorang jurutera lain dilantik untuk mengambil alih; dan

(b) Majlis bersetuju jurutera itu menarik diri.

(2) Jika Majlis bersetuju menerima penarikan diri seseorang jurutera di bawah subperenggan (1)(b), kerja tanah itu tidak boleh dimulakan atau diteruskan sehingga seorang jurutera lain dilantik untuk mengambil alih.

(3) Jurutera yang mengemukakan pelan itu hendaklah menjalankan penyeliaan dan membuat apa-apa pemeriksaan yang perlu untuk memastikan kerja tanah itu dijalankan mengikut pelan, spesifikasi, arahan, pindaan atau syarat yang dikenakan oleh Majlis dan pada amnya mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(4) Jurutera yang mengemukakan pelan itu hendaklah sebelum memulakan kerja tanah itu memberitahu Majlis dalam Borang B Jadual Kedua tarikh yang dicadangkan untuk pelaksanaan kerja tanah itu.

(5) Jurutera yang mengemukakan pelan itu hendaklah dalam masa satu minggu selepas selesai kerja tanah itu memberitahu kepada Majlis dan mengesahkan dalam Borang C Jadual Kedua bahawa kerja tanah itu telah selesai.

(6) Perenggan (1) undang-undang kecil ini tidak boleh ditafsirkan sebagai melepaskan tanggungjawab seseorang daripada peruntukan seksyen 71 Akta.

(7) Walau apa pun mana-mana pelan, lukisan atau kiraan-kiraan telah diluluskan oleh Majlis, tanggungjawab kerana kegagalan pada mana-mana bahagian kerja tanah itu hendaklah *prima facie* terletak pada orang yang mengemukakan pelan, lukisan atau kiraan-kiraan tersebut.

(8) Bagi maksud undang-undang kecil ini, istilah “jurutera yang mengemukakan pelan itu” adalah termasuk jurutera yang dilantik untuk mengambil alih.

**Pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan**

5. (1) Semua pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan atau seberapa banyak salinan sepertimana yang dikehendaki oleh Majlis.

(2) Satu set pelan hendaklah terdiri daripada bahan linen atau jenis yang lain yang tahan lasak dan bersama-sama satu set lain akan disimpan oleh Majlis dan set ketiga akan dikembalikan kepada orang yang mengemukakan pelan tersebut setelah diluluskan.

(3) Jika pelan tidak diluluskan, satu set pelan tersebut hendaklah dikembalikan kepada orang yang mengemukakan pelan tersebut.

**Laporan, pelan dan butiran hendaklah dikemukakan**

6. Melainkan jika dikecualikan oleh Majlis, laporan, pelan, spesifikasi dan butiran yang berikut hendaklah dikemukakan:

- (1) laporan penilaian permulaan tapak bersama dengan butiran mengenai langkah untuk mengawal hakisan dan mendapan;
- (2) suatu pelan tapak yang dibuat mengikut skala yang tidak kurang daripada 1:1000 menunjukkan dengan warna yang jelas tapak kerja tanah, jalan masuk, alur utama, alur air semula jadi, saluran-saluran kemudahan awam, parit dan tanah yang bersambungan atau sebahagiannya menunjukkan skala yang digunakan dan tanda arah utara;
- (3) pelan pada kontor 1.5 meter menunjukkan tanah di mana kerja tanah itu akan dijalankan dan tanah yang bersambungan dengannya mengikut skala tidak kurang daripada 1:500;
- (4) pelan mengikut skala tidak kurang daripada 1:500 menunjukkan—
  - (a) aras siap pembedaan termasuklah:
    - (i) aras platform untuk bangunan atau bangunan-bangunan;
    - (ii) aras siap jalan;
    - (iii) aras perut parit dan lintasan;
    - (iv) tempat alir keluar saliran;
  - (b) tutupan atau lencongan bagi mana-mana alur utama dan alur air semula jadi atau pembaikan terhadap;
  - (c) apa-apa pengorekan, pemotongan atau penimbusan yang melebihi 2.5 meter dalam atau tinggi;
  - (d) perlindungan bagi kerja tanah itu daripada hakisan termasuk perlindungan semasa kerja tanah itu berterusan;
  - (e) cadangan bagi pengawalan habuk-habuk yang mungkin timbul disebabkan oleh kerja tanah; dan
  - (f) peruntukan penahan enap, termasuklah peruntukan semasa kerja tanah itu berterusan,
- (5) cara pengorekan, peralatan, penimbusan, cerucuk pelindung atau apa-apa proses teknik bumi yang lain;

- (6) jadual bagi kerja tanah dan susunan dalam mana kerja tanah itu akan dijalankan secara berperingkat;
- (7) amaun tanah yang hendak dikorek dan tempat di mana tanah dikorek hendak diletakkan atau tanah yang hendak digunakan untuk penimbunan hendak didapatkan dan disertakan dengan kelulusan yang diberi oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi memindahkan tanah itu;
- (8) langkah berjaga-jaga yang diambil bagi melindungi tanah, bangunan, jalan dan lain-lain harta yang bersambungan;
- (9) langkah-langkah perlu diambil untuk menghalang kenderaan yang membawa tanah daripada mengotorkan jalan-jalan yang bersebelahan;
- (10) pelan terperinci mengikut skala tidak kurang daripada 1:50 dan spesifikasi bagi cerucuk sasak keeping atau lain-lain struktur penahan atau penstabilan cerun yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini; dan
- (11) jika berkaitan, kiraan dan segala aras bumi dan kontur yang tersebut dalam Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibuat dengan merujuk kepada paras datum ordinan.

#### **Pelan boleh dikemukakan secara berasingan**

7. Pelan dan spesifikasi yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 6 boleh, dengan kebenaran Majlis dikemukakan secara berasingan tetapi dalam sesuatu hal yang demikian itu perakuan yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah disertakan bersama tiap-tiap satu set pelan dan spesifikasi yang kemudiannya:

Dengan syarat bahawa tiada kerja tanah boleh dimulakan sehingga semua pelan dan spesifikasi yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini telah diluluskan.

#### **Kerja cerucuk**

8. Jika kerja cerucuk dicadangkan, pelan yang dikemukakan di bawah undang-undang kecil 6 hendaklah juga mengandungi—

- (a) pelan mengikut skala yang tidak kurang daripada 1:50 dan penentuan bahan untuk cerucuk itu dan cara untuk menjalankan kerja cerucuk itu; dan
- (b) suatu perakuan dibuat oleh jurutera memperakui bahawa paras bunyi akibat daripada kerja-kerja cerucuk itu tidak akan membangkitkan kemarahan atau kacau ganggu kepada penduduk di kawasan sekeliling.

**Jurutera hendaklah mengawasi paras bunyi dan memperakui dan mengemukakan laporan mingguan mengenai pengawasan itu**

9. Jika diarahkan oleh Majlis, jurutera hendaklah mengawas paras bunyi akibat daripada kerja-kerja cerucuk dan laporan mingguan mengenai pengawasan itu hendaklah diperakui olehnya dan dikemukakan kepada Majlis.

**Tataamalan yang berkaitan hendaklah dipatuhi**

10. (1) Di mana juga berkenaan, pelan, spesifikasi dan apa-apa kiraan yang dikemukakan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah menepati tataamalan yang berikut seperti yang dipinda dari semasa ke semasa:

- (a) penyiasatan tapak — British Standards Code of Practice 2001;
- (b) kerja tanah — British Standards Code of Practice 2003;
- (c) asas tapak — British Standards Code of Practice 2004;
- (d) civil Engineering Code of Practice No. 2 on Earth Retaining Structure yang dikeluarkan oleh Institute of Structural Engineers, United Kingdom; dan
- (e) asas tapak dan bina galas bagi bangunan-bangunan bukan perindustrian yang tidak melebihi empat tingkat — British Standards Code of Practice 101.

(2) Jika ada dikeluarkan suatu Tataamalan Piawaian Malaysia yang bersamaan selepas mula berkuatkuasanya Undang-Undang Kecil ini, maka ia hendaklah menggantikan *British Standards Code of Practice* mengenai hal perkara yang sama dan hendaklah dipatuhi:

Dengan syarat bahawa ia tidak menyentuh pelan dan spesifikasi yang telah diluluskan di bawah British Standards Code of Practice atau kerja tanah yang dijalankan di bawahnya.

**BAHAGIAN III**

**PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNG  
DENGAN KERJA TANAH ASAS TAPAK**

**Kehendak mengenai cerucuk sasak keping keluli**

11. (1) Sisi-sisi bagi semua kerja tanah asas tapak hendaklah dilindungi dengan cerucuk sasak keping keluli atau dengan lain-lain cara perlindungan jika Majlis berpuas hati dari penentuan, reka bentuk dan kiraan yang dikemukakan kepadanya bahawa cara perlindungan alternatif itu adalah sama berkesannya atau lebih baik dan akan beri perlindungan yang mencukupi kepada harta yang bersambungan.

(2) Kehendak di bawah perenggan (1) boleh dikecualikan jika Majlis berpuas hati bahawa perlindungan itu adalah tidak perlu.

#### **Tanah hendaklah disiasat dan aras mata air hendaklah ditentukan**

12. Penyiasatan tanah hendaklah dijalankan dan aras mata air dalam mana-mana kerja tanah asas hendaklah ditentukan dan jurutera yang mengemukakan pelan di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah menyerahkan laporan penyiasatan dan hendaklah memperakui apa-apa penurunan aras mata air tidak akan menyebabkan kerosakan matan kepada mana-mana struktur, jalan atau mana-mana harta lain di sekelilingnya.

### **BAHAGIAN IV**

#### **PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN KERJA TANAH AM**

#### **Permohonan berasingan bagi kerja pecah batu**

13. Jika kerja pecah batu hendaklah dijalankan di atas tapak kerja tanah, suatu permohonan berasingan secara bertulis hendaklah dibuat oleh jurutera kepada Majlis untuk mendapatkan kelulusan.

#### **Pemuliharaan atas tanah**

14. Tanah atas tapak kerja tanah hendaklah dipulihara bagi tujuan penanaman atau landskap di tapak atau sebagaimana diarah oleh Majlis.

#### **Pokok-pokok tidak boleh ditebang sehingga tapak sedia diusahakan**

15. Jika ada pokok-pokok di atas tapak kerja tanah, pokok itu tidak boleh ditebang atau diterangkan sehingga tapak kerja tanah itu telah sedia untuk diusahakan.

#### **Kerja tanah melebihi 3.5 meter**

16. (1) Segala kerja tanah yang melebihi 3.5 meter tinggi atau dalam hendaklah dilindungi dengan suatu struktur penahan atau penstabilan cerun melainkan jika dikecualikan oleh Majlis.

(2) Mengenai tanah di mana struktur penahan atau penstabilan cerun kekal adalah dikecualikan oleh Majlis, maka hendaklah diadakan struktur penahan atau penstabilan cerun sementara dalam mana kerja tanah itu berterusan melainkan jika dikecualikan oleh Majlis.

#### **Mempertingkatkan kerja tanah**

17. Kerja tanah yang hendak dijalankan hendaklah dipertingkatkan mengikut susunan yang dikemukakan di bawah perenggan 6(6) dan tiada kerja tanah boleh dimulakan atau diteruskan ke peringkat yang berikutnya melainkan apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis di bawah undang-undang kecil 18



telah dipenuhi dan jurutera yang mengemukakan pelan itu memperakui secara bertulis bahawa kerja tanah itu tidak mungkin menyebabkan kacau ganggu atau kerosakan kepada harta sekelilingnya.

**Syarat-syarat boleh dikenakan pada bila-bila masa sebelum kerja boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya**

18. Majlis, boleh, pada bila-bila masa sebelum sesuatu kerja tanah boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya, menghendaki—

- (a) disalir dan dilencongkan alur utama dan alur air semula jadi, termasuk mengadakan permatang dan pembentung yang cukup;
- (b) bahawa penahan enap dan lain-lain kemudahan pengawalan pemendakan diadakan dengan cukup serta diselenggara dengan sewajarnya;
- (c) bahawa struktur penahan diadakan dimana perlu;
- (d) bahawa cerun dilindungi dengan cukup bagi mengelakkan hakisan;
- (e) bahawa segala langkah yang berkesan diambil untuk mengawal habuk-habuk yang mungkin timbul disebabkan kerja tanah;
- (f) bahawa asas tapak jalan dibina dan permukaan jalan itu diadang bagi mengelakkan enapan daripada dihanyutkan ke dalam alur air yang sedia ada; dan
- (g) bahawa timbusan dipadatkan.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

**Pelan, penentuan, butiran lanjut dan dsb. jika dikehendaki**

19. Majlis boleh, jika difikirkan perlu, menghendaki pelan, spesifikasi dan butiran lanjut dikemukakan atau membuat pindaan lanjut kepada pelan itu atau mengenakan syarat atau arahan lanjut yang difikirkan patut olehnya dan arahan-arahan, pindaan atau syarat-syarat itu hendaklah dipatuhi.

**Pengangkutan**

20. Semua bahan yang hendak diangkut ke dan/atau dari tapak kerja tanah hendaklah diletakkan di suatu tempat dan mengikut arahan dan syarat yang dikenakan oleh Majlis.

**Kenderaan untuk kegunaan mengangkut bahan**

21. Setiap orang yang menggunakan apa-apa kenderaan untuk kegunaan mengangkut bahan dan/atau dari tapak kerja tanah hendaklah mendapatkan permit daripada Majlis dan hendaklah—

- (a) memastikan bahawa kenderaan itu dalam keadaan baik dan tiada sebarang ruang atau lubang yang boleh menyebabkan apa-apa bahan boleh jatuh;

- (b) memastikan bahawa bahan-bahan tidak diisi dalam kenderaan itu melebihi ketinggian sisi kenderaan itu;
- (c) menutup bahan-bahan dengan kain tarpal, plastik, kanvas atau lain-lain bahan yang sesuai;
- (d) memastikan bahawa roda-roda dan tayar-tayar kenderaan itu dibersihkan sebelum kenderaan itu dibenarkan masuk ke mana-mana jalan atau tempat awam; dan
- (e) menggunakan jalan yang ditetapkan oleh Majlis dan mematuhi semua syarat-syarat lain yang ditentukan Majlis.

#### **Fi untuk memeriksa tapak**

22. Mana-mana orang yang mengemukakan pelan untuk pertimbangan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah membayar fi seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama bagi setiap lawatan ke tapak untuk pemeriksaan oleh Majlis atau wakilnya.

#### **Cagaran sebelum permulaan kerja tanah**

23. (1) Majlis boleh menghendaki cagaran, dalam apa-apa jenis bayaran seperti yang ditetapkan oleh Majlis, sebelum memberi kelulusan bagi permulaan apa-apa kerja tanah yang telah ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Majlis boleh menyimpan cagaran tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya sekiranya ia berpendapat bahawa pelaksanaan kerja tanah tersebut telah mengakibatkan kerosakkan kepada mana-mana jalan awam atau harta Majlis dan kerja pemulihan perlu dilaksanakan oleh Majlis.

(3) Walau apapun peruntukkan perenggan (2), Majlis berhak untuk mendakwa mana-mana orang yang menyalahi mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

#### **Pemeriksaan pelan**

24. (1) Sesuatu pelan yang telah diluluskan boleh diperiksa di pejabat Majlis dengan membayar fi seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Dengan kelulusan bertulis jurutera Majlis, orang yang mengemukakan pelan dan dengan membayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, pelan boleh disalin dan boleh diperakui sebagai salinan yang benar dengan membayar fi yang ditetapkan dalam Jadual itu.

#### **Parit hendaklah diselenggarakan sepanjang tempoh kerja**

25. Parit dalam dan bersambungan dengan tapak kerja tanah hendaklah diselenggarakan sepanjang tempoh kerja tanah dalam pelan yang dipersetujui dan hendaklah terus diselenggarakan dalam keadaan yang sama sehingga kebenaran untuk memberhentikan kerja tanah diberi oleh Majlis.

**Kerja tanah dianggap dalam pelaksanaan**

26. Kerja tanah hendaklah dianggap sedang berlangsung, sehingga semua permukaan bumi yang terdedah dilitupi dengan tumbuhan, diubun, dilindungi atau dibuat di atasnya.

**Kajian penilaian kesan ke atas alam sekitar**

27. Bagi kerja tanah yang meliputi kawasan yang luas, Majlis dengan budi bicara mutlaknya boleh, melalui jurutera Majlis, meminta satu kajian kesan penilaian alam sekitar dan/atau saliran untuk diserahkan oleh jurutera.

**Papan tanda yang menunjukkan kerja yang sedang dijalankan hendaklah disediakan**

28. Satu papan tanda yang menyatakan bahawa kerja tanah sedang berlangsung, dengan nama tuan tanah atau agennya yang mana berkenaan dan Jurutera Perunding, alamat pos serta nombor telefon mereka hendaklah dipamerkan dengan jelas di atas tapak bagi sepanjang tempoh kerja tanah. Saiz minimum huruf ialah 85mm tinggi dan hendaklah ditulis dengan jelas di atas latar belakang kontras.

**Tugas jurutera untuk memaklumkan**

29. Jurutera yang menyelia kerja tanah hendaklah, memaklumkan Majlis tentang apa-apa pergerakan tanah, gelinciran bumi, apa-apa kegagalan atau apa-apa perubahan dalam aras mata air yang wujud di tapak atau bersambungan dengan tapak kerja tanah.

**Penalti**

30. Sesiapa jua yang—

- (a) dengan diketahuinya atau dengan cuai mengemukakan pelan, spesifikasi, kiraan atau butiran yang palsu dalam apa-apa butir matan atau memberi perakuan yang dikehendaki di bawah Jadual Kedua secara palsu;
- (b) tanpa sebab yang munasabah tidak mematuhi apa-apa arahan, pindaan atau syarat yang diberi atau dikenakan di bawah Undang-Undang Kecil ini;
- (c) tanpa sebab yang munasabah tidak memberi notis yang dikehendaki di bawah perenggan 4(4) dan 4(5); atau
- (d) melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini;

adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan juga dikenakan denda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

**Pengecualian**

31. (1) Tertakluk kepada perenggan (2) dan (3), Undang-Undang Kecil ini tidak terpakai bagi kerja tanah kecil yang ditentukan dalam Jadual Ketiga.

(2) Jurutera sebelum memulakan sesuatu kerja tanah kecil hendaklah menyerahkan suatu perakuan dalam Borang D Jadual Kedua.

(3) Jurutera Majlis boleh pada bila-bila masa memeriksa sesuatu tapak kerja tanah kecil dan jika berpuas hati, kerja tanah tersebut bukanlah kerja tanah kecil yang ditentukan dalam Jadual Ketiga, boleh mengarahkan supaya kerja tanah tersebut diberhentikan.

(4) Majlis boleh mengecualikan mana-mana kehendak Undang-Undang Kecil ini bagi kerja tanah untuk tujuan pertanian.

**Kuasa penangkapan**

32. (1) Datuk Bandar, Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang—

(a) yang semunasabahnya dipercayai olehnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini; dan

(b) yang enggan memberikan nama dan alamatnya apabila diminta atau jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibawa ke balai polis dan hendaklah dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa dua puluh empat jam, melainkan jika sebelum dari itu nama dan kediamannya yang sebenar telah dapat ditentukan, dan dalam hal yang sedemikian orang itu hendaklah dilepaskan dengan serta-merta apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk hadir di hadapan seorang Majistret jika dikehendaki sedemikian.

(3) Apabila mana-mana orang sedemikian dibawa ke hadapan seorang Majistret, Majistret itu boleh sama ada menghendaki dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin untuk hadir di hadapan seorang Majistret sekiranya dikehendaki, atau boleh memerintahkan supaya dia ditahan dalam jagaan sehingga dia dapat dibicarakan.

**Kuasa menyita**

33. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menyita atau mengalihkan apa-apa barang atau benda yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini dengan risiko ditanggung oleh pemunya.

(2) Apa-apa benda atau barang yang disita di bawah perenggan (1) ini adalah dari jenis yang mudah rosak atau yang mengikut sifatnya lekas rosak atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai akan membahayakan orang ramai, pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa benda atau barang selain benda atau barang yang disita di bawah perenggan (2), boleh menuntut benda atau barang tersebut daripada Majlis dalam tempoh minima tujuh hari bekerja atau maksima satu bulan dari tarikh benda atau barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(4) Sekiranya, tiada apa-apa tuntutan dibuat selepas tempoh tiga puluh hari, Majlis bolehlah melupuskan benda atau barang itu mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis dan apa-apa hasil yang diperolehi hendaklah dikreditkan kepada Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan.

(5) Datuk Bandar, Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa tidaklah bertanggungjawab kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, walau apa pun sebabnya, dalam kuantiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah Undang-undang Kecil ini.

### **Pendakwaan**

34. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

### **Pengkompaunan kesalahan**

35. (1) Majlis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

---

**Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini**

36. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

**Kecualian dan peralihan**

37. (1) Tertakluk kepada peruntukan ini, apa-apa pendaftaran, suruhan, perbuatan, arahan kelulusan, pengisytiharan, perintah, notis, borang, surat kebenaran, pelantikan dan keputusan yang dikeluarkan atau dilakukan atau dibuat atau disifatkan telah dibuat di bawah atau menurut kuasa mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil terdahulu, hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya yang berhubungan dengannya pendaftaran, suruhan, perbuatan, arahan kelulusan, pengisytiharan, perintah, notis, borang, surat kebenaran, pelantikan dan keputusan itu terpakai setakat mana yang tidak bertentangan dengan Undang-Undang Kecil ini, sehingga dipinda atau dibatalkan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau pendaftaran, suruhan, perbuatan, arahan kelulusan, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran, pelantikan atau keputusan yang baru dibuat di bawah Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana perundangan subsidiary yang dibuat di bawah Undang-Undang Kecil atau sehingga tarikh habis tempoh pendaftaran, suruhan, perbuatan, arahan kelulusan, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran, atau pelantikan atau keputusan itu.

(2) Semua prosiding yang telah dimulakan di bawah Undang-Undang Kecil terdahulu ini hendaklah diteruskan sehingga selesai prosiding tersebut di bawah peruntukan itu seolah, olah Undang-Undang Kecil ini tidak diluluskan.

**Pemansuhan**

38. Undang-Undang Kecil di bawah dimansuhkan:

- (1) Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Kota Setar) 1991;
- (2) Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Sungai Petani) 1995;
- (3) Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Daerah Kulim) 1995;
- (4) Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Daerah Langkawi) 1993;
- (5) Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Daerah Kubang Pasu) 2009;
- (6) Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Daerah Baling) 1993;
- (7) Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Daerah Sik) 1990 dan
- (8) Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hitech Kulim) 1998.

## JADUAL PERTAMA

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH  
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH) 2016

[Perenggan 3, 21, 22, 23 dan 24]

## BAYARAN

Fi yang kena dibayar oleh orang yang mengemukakan pelan untuk dipertimbangkan di bawah Undang-undang Kecil ini adalah seperti berikut:

- |    |  |   |  |
|----|--|---|--|
| 1. | Jika kerja tanah asas tapak tidak lebih daripada tiga meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali dan melibatkan hingga dua ratus lima puluh meter padu tanah | — | Tidak melebihi RM500.00                    |
|    | Bagi tiap-tiap 100 meter padu tambahan tanah yang terlibat atau sebahagian daripadanya   | — | Tidak melebihi RM50.00                     |
| 2. | Jika kerja tanah asas tapak lebih daripada tiga meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali   | — | 1 ½ kali bayaran yang ditetapkan butiran 1 |
| 3. | Jika kerja tanah asas tapak lebih daripada dua belas meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali  | — | 2 kali bayaran yang ditetapkan butiran 1   |
| 4. | Kerja tanah am   | — | Tidak melebihi RM2000.00 sehektar          |
| 5. | Lawatan ke tapak yang dibuat oleh jurutera Majlis atau pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis   | — | RM50.00 satu lawatan                       |
| 6. | Pemeriksaan pelan yang telah diluluskan  | — | RM10.00                                    |
| 7. | Menyalin satu set pelan dengan kelulusan orang yang mengemukakannya  | — | RM50.00                                    |
| 8. | Memperakui salinan yang benar satu set pelan   | — | RM50.00                                    |
| 9. | Pindaan kepada pelan yang diluluskan selaras dengan perenggan 3(3)   | — | Tidak melebihi RM100.00                    |

10. Melanjutkan tempoh kesahan selaras dengan perenggan 3(4)	—	Tidak melebihi RM1,000.00
11. Jumlah cagaran yang boleh dikenakan apa-apa jenis bayaran seperti yang ditetapkan oleh Majlis:		
(a) bagi kerja tanah am	—	Minima RM5,000 per hektar
(b) penggunaan jalan awam	—	Minima RM10,000 setiap permohonan
(c) penyelenggaraan parit	—	Minima RM10,000 setiap permohonan
(d) langkah kawalan banjir	—	Minima RM10,000 setiap permohonan

## JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH  
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH) 2016

## BORANG A

## Penyerahan Pelan Untuk Kerja Tanah

[Perenggan 3(1)]

Datuk Bandar/Yang Dipertua Majlis,

Saya/Kami dengan ini memohon untuk kerja yang dicadangkan seperti yang berikut: .....

.....

.....

bagi pihak (Nama Pemunya/Pemaju).....

.....

No. Lukisan .....

Kiraan selaras dengan perenggan 5(1) dan penentuan adalah dikemukakan bersama-sama ini dalam tiga salinan.



Saya dengan ini, bertanggungjawab sepenuhnya untuk reka bentuk, spesifikasi penentuan dan perjalanan kerja tersebut.

Tandatangan : .....  
 Nama : .....  
 Profesion : .....  
 Alamat : .....

No. Pendaftaran  
 Lembaga Jurutera: .....  
 Bertarikh : .....

Datuk Bandar/Yang Dipertua Majlis,

Saya/Kami pemunya/pemaju projek yang tersebut di atas dengan ini mengesahkan bahawa jurutera:

Nama: .....  
 No. Pendaftaran Lembaga Jurutera: .....  
 Alamat: .....

.....  
 telah dilantik untuk mengemukakan pelan bagi pihak saya/kami.

Saya/Kami dengan ini mengaku janji seperti yang berikut:

1. Nama dan alamat jurutera yang bertanggungjawab untuk menyelia kerja akan dikemukakan kepada tuan sebelum permulaan kerja tersebut.
2. Saya/Kami akan mematuhi dengan sepenuhnya kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Tanah (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah) 2016.
3. Pegawai Majlis berhak untuk memasuki pada bila-bila masa yang munasabah untuk memeriksa kerja, stor bahan dan tapak di mana kerja itu dijalankan.
4. Saya/Kami akan bersesama dan berasingan bertanggungjawab dengan jurutera bagi apa-apa kerosakan harta-harta dsb akibat daripada pembinaan kerja tersebut.

Tandatangan : .....  
 Nama : .....  
 Alamat : .....  
 .....  
 .....  
 Bertarikh : .....

**UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH  
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH) 2016**

**BORANG B**

**Notis Memulakan Kerja Tanah**

**[Perenggan 4(4)]**

Datuk Bandar/Yang Dipertua Majlis,

Saya memberi notis bahawa selepas tamat tempoh empat hari dari tarikh notis ini diterima saya bercadang untuk memulakan kerja tanah iaitu:

.....  
atas Lot/Lot-lot: .....  
Seksyen/Mukim: .....  
Jalan: .....  
bagi menurut pelan yang diluluskan No.: .....

Bertarikh: .....

.....  
Jurutera yang mengemukakan

Nama: .....  
Profesion: .....  
Alamat: .....  
.....  
No. Pendaftaran Lembaga Jurutera: .....

**UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH  
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH) 2016**

**BORANG C**

**Notis Pengesahan Penyempurnaan Kerja Tanah**

**[Perenggan 4(5)]**

Datuk Bandar/Yang Dipertua Majlis,

Adalah dimaklumkan bahawa kerja tanah yang dibuat di Lot/Lot-lot .....  
Seksyen/Mukim ..... Jalan .....  
bagi .....  
.....  
telah siap menurut pelan yang diluluskan No. ....

2. Saya memperakui bahawa saya telah mengawasi kerja tanah dan penyempurnaannya. Sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, kerja-kerja tanah itu adalah menurut pelan yang diluluskan dan saya bersetuju terima tanggungjawab sepenuhnya dengan sewajarnya ke atas bahagian-bahagian yang baginya saya adalah berkenaan.

Bertarikh: .....

.....  
Jurutera yang mengemukakan

Nama: .....  
Profesion: .....  
Alamat: .....  
.....  
No. Pendaftaran Lembaga Jurutera: .....

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH  
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH) 2016

BORANG D

Perakuan Kerja Tanah Kecil

[Perenggan 31]  
(Dikemukakan Dalam Dua Salinan)

Datuk Bandar/Yang Dipertua Majlis,

Saya memperakui bahawa kerja penggalian yang akan dijalankan atas

Lot/Lot-lot : .....  
Seksyen/Mukim : .....  
Jalan : .....  
bagi : .....

ialah kerja tanah yang bersifat kecil menurut Jadual Ketiga Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah) 2016.

2. Saya faham bahawa pengecualian daripada kehendak Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah) 2016 tidak akan melepaskan saya dari tanggungjawab ke atas mana-mana pihak bagi apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh kerja tanah tersebut.

3. Saya bersetuju juga mengganti rugi dan terus mengganti rugi Majlis untuk apa-apa tuntutan, kerosakan, kerugian, tindakan atau prosiding yang boleh diambil terhadapnya yang disebabkan oleh dan akibat daripada kerja tanah tersebut.

Bertarikh: .....

.....  
Jurutera yang mengemukakan

Nama: .....

Profesion: .....

Alamat: .....

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera: .....

Dengan pengesahan yang diberi oleh orang yang mengemukakan perkara yang tersebut di atas, Majlis dengan ini bersetuju mengecualikan kerja-kerja tersebut dari peruntukan Undang-undang Kecil ini. Ianya adalah kerja tanah yang bersifat kecil menurut Jadual Kedua, Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah) 2016.

Tarikh: .....

.....  
Datuk Bandar/Yang Dipertua,  
Pihak Berkuasa Tempatan  
Negeri Kedah Darul Aman

#### JADUAL KETIGA

### UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH) 2016

[Undang-undang kecil 2 dan 31]

#### KERJA TANAH KECIL


1. Mengorek untuk landskap tanpa struktur sedalam tidak melebihi 3.5 meter.
2. Mengorek untuk menanam atau membantun pokok atau tiang sedalam tidak melebihi 3.5 meter.

3. Mengorek untuk pembinaan lorong dan memasang paip sedalam tidak melebihi 3.5 meter.
4. Mengorek untuk lubang asas tapak tidak melebihi 3.5 meter kali 3.5 meter untuk bangunan kediaman yang sekurang-kurangnya 3.5 meter jauh dari sempadan dan tidak melebihi 3.5 meter dalam.
5. Mengorek untuk asas tapak yang tidak melebihi 3.5 meter dalam sekiranya pengorekan itu bukan untuk maksud pembinaan tingkat bawah tanah dan di situ tidak ada bangunan di harta bersebelahan.
6. Mengorek dalam kawasan sesuatu tapak tidak melebihi 3.5 meter dalam dan melebihi 3.5 meter jauh dari sempadan dan untuk pengorekan itu, cerucuk tidak dikehendaki.
7. Untuk butiran-butiran 4, 5 dan 6 pengecualian hanya akan diberi jika jurutera mengemukakan suatu perakuan dalam Borang C Jadual Kedua dan diluluskan oleh Majlis.

Diperbuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Kedah seperti berikut:



.....  
Dato' Haji Mat Noh bin Ahmad  
Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Alor Setar




.....  
Hj. Abdul Rashid bin Othman  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Sungai Petani



.....  
Hj. Md. Nordin Bin Yahya  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Kulim




.....  
Abdul Bari bin Abdullah  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Langkawi




.....  
Hj. Muhammad Helwi bin Harun  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kubang Pasu



.....  
Dato' Dzohir bin Md Zain  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Baling



.....  
Hj. Mohd Yusri bin Hj. Md. Daud  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Yan



.....  
Zaid bin Ahmad  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Pendang



.....  
Nawadzir binti Hj. Abdul Ghani  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Sik



.....  
Mohd Fisol bin Md Noh  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Padang Terap



.....  
Hj Mohamad bin Che Nai  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Bandar Baharu



.....  
Hj Mohd Asri Redha bin  
Abdul Rahman  
Yang Dipertua  
Pihak Berkuasa Tempatan  
Taman Perindustrian Hitech Kulim

Disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman pada

.....  
[PSU ]

Haji Iqbal bin Ahmad  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Kedah Darul Aman*